

## Pelajar tahun satu pamer 177 karya lukisan

**S**HAH ALAM: Biarpun baru di tahun satu, pelajar Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka sudah mampu menganjurkan pameran bertema 'Colour Theory Exhibition' di Galeri Tunku Nur Zahirah di kampus induk, Universiti Teknologi MARA (UiTM) di sini.

Dengan kekuatan 177 karya bermotif batik dan reka corak 'arabesque', ia dihasilkan hampir semua pelajar tahun satu fakulti itu.

Setiausaha pameran, pensyarah fakulti berkenaan, Rosliza Abd Rahim, berkata pameran yang dibantu pengurusan fakulti itu terbuka kepada orang awam dan karya yang dihasilkan turut dijual pada harga antara RM100 hingga RM300 saja.

"Pameran ini sudah bermula

sejak 21 Mei lalu dan akan berakhir 21 Jun ini," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian 'Colour Theory Exhibition' yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) Kementerian Luar Negeri, Datuk Ku Jaafar Ku Shaari, baru-baru ini.

Hadir sama, Dekan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Prof Madya Dr Mustaffa Halabi Azahari.

Rosliza berkata, lebih 20 karya yang dipamerkan di galeri itu sudah ditempah dan bakal mempunyai pemilik.

Katanya, orang awam yang berminat untuk membeli karya itu boleh hadir ke kaunter yang terletak di hadapan pintu masuk galeri itu untuk menyatakan karya mana yang ingin dibeli.

● ROSLIN MATT AHIR | BERITA HARIAN



KU JAAFAR (kanan) melawat pameran color theory di Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah, Universiti Teknologi Mara (UiTM).